

RM31.6

juta nilai

rampasan

seleweng

barang

subsidi

PUTRAJAYA: Sejumlah RM31.6 juta nilai rampasan berjaya diperolehi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melibatkan kes penyelewengan bahan api petrol, diesel dan minyak masak bersubsidi sepanjang tempoh lima tahun.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Menteri-nya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, jumlah itu membabitkan nilai RM2.18 juta bagi bahan api petrol, manakala diesel pula sebanyak RM13.85 juta dan minyak masak subsidi berjumlah RM15.57 juta sejak 2018 hingga 2021.

Beliau berkata, nilai sitaan atau rampasan itu adalah menerusi sejumlah 1,148 kes yang dihasilkan membabitkan sebanyak 351 kes penyelewengan bahan api petrol, diesel pula (396 kes) dan minyak masak (401 kes).

“Sudah tentu subsidi yang diperuntukkan kerajaan saban tahun sekiranya diseleweng mendatangkan kesan buruk kepada Keluarga Malaysia dan negara.

“Sekiranya penyelewengan barang kawalan dan bersubsidi ini gagal dibendung, rakyat yang sepatutnya menikmati subsidi tidak dapat menikmati sepenuhnya, sebaliknya memberikan keuntungan berlipat kali ganda kepada penjenayah yang melakukan kegiatan haram ini, malah rakyat asing pula yang lebih menerima manfaat subsidi,” katanya di sini semalam.

Pada masa sama, Alexander berkata, sekiranya penyelewengan dan penyeludupan barang kawalan dan bersubsidi ini tidak dikawal dengan tegas, ia akan menyebabkan bekalan terganggu.